

PM saran sebar sejarah India Muslim

15 OCT 2002

KUALA LUMPUR, Isnin - Sejarah karyawan kesusasteraan India Muslim perlu dicetak dan diedarkan di sekolah Melayu, Tamil dan Cina supaya generasi akan datang dapat merujuk serta memahami sejarah tamadun Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu kerana kewujudan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Internet, e-mel serta ekonomi berasaskan pengetahuan (keekonomi), dikhuatiri akan melesapkan populariti karya itu bukan saja di kalangan orang ramai, malah kaum India sendiri.

"Di Malaysia, kita semua tahu bahawa Munshi Abdullah adalah seorang keturunan India Muslim yang begitu cepak dalam seni tulisannya. Hasrat saya untuk melihat se-

orang bagaikan Munshi Abdullah pada zaman ini untuk mencatatkan perkembangan kesusasteraan Tamil Islam di Malaysia bagi pengetahuan generasi muda pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan persidangan Kesusasteraan Tamil Islam Selangor selama dua hari anjuran Badan Amal Islam Wilayah Persekutuan/Selangor (Permim) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Persidangan itu bertujuan memberi motivasi dan kesedaran, menghayati dan menyelidik kesusasteraan Tamil Islam yang ditulis karyawan Muslim serta mengeratkan hubungan umat Islam khususnya kaum India Muslim di negara ini.

Sambil menyifatkan persidangan itu amat tepat dan

relevan dengan keadaan semasa, Dr Mahathir berkata:

"Saya difahamkan bahawa cendekiawan yang fasih dalam kesusasteraan bahasa Tamil jarang merujuk kepada karya tulisan tokoh India Muslim.

"Ini merugikan kerana jika kita sendiri tidak boleh menyebarkan kekayaan karya sedemikian, maka kita tidak boleh berharap pada pihak lain atau generasi muda kita untuk berbuat demikian.

"Kebudayaan yang kaya dengan manuskrip yang berhubungkait dengan pembangunan Islam di kalangan Muslimin yang bertutur dalam bahasa Tamil tidak akan bermakna sekiranya langkah tidak diambil untuk memelihara dan mewujudkan.

"Menjadi kewajipan tuan-tuan semua untuk memeli-

hara karya Tamil Islam demi kebaikan semua." katanya.

Beliau berkata, pada persidangan seperti itu, mereka dapat mencungkil hasil karya sasterawan dulu dan kini sambil mengkaji sejarah serta kepentingannya kepada umat Islam sejagat.

Malah katanya, persidangan itu akan mengingatkan kaum India Muslim mengenai sejarah nenek moyang mereka kerana sejarah adalah tamadun bagi sesuatu kaum yang dapat memberi kesedaran kepada generasi akan datang.

Terdahulu, Pengerusi persidangan, Datuk Dr Mohamed Haniffa dalam ucapannya menyatakan sokongan penuh Tamil Muslim kepada kerajaan untuk melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.